Dikemas kini pada 10 April 2020

Tabung BNM untuk PKS:
Kemudahan Pembiayaan untuk Membantu PKS yang Terjejas Akibat COVID-19
Soalan-soalan Lazim (FAQ)

(*Soalan dan jawapan yang telah dikemas kini dari versi terdahulu adalah berwana biru)

No.	Soalan	Jawapan
Kemudahan Bantuan Khas (*Special Relief Facility*, SRF)		
1.	Mengapakah SRF hanya terhad kepada PKS yang terjejas akibat COVID-19 sahaja?	• SRF bertujuan untuk memberikan sokongan aliran tunai segera dan disasarkan kepada PKS yang terjejas akibat wabak COVID-19 untuk meneruskan operasi perniagaan dan mengekalkan pekerjaan. • PKS yang terjejas oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) juga layak untuk memohon SRF kerana PKP yang diisytiharkan oleh Kerajaan Malaysia adalah untuk membendung penularan wabak COVID-19. • PKS yang tidak terjejas akibat wabak COVID-19 tetapi ingin mendapatkan pembiayaan, boleh memohon kemudahan-kemudahan pembiayaan lain di bawah Tabung BNM untuk PKS, seperti Kemudahan Semua Sektor Ekonomi (*All Economic Sectors Facility,* AES*),* Kemudahan Automasi dan Digital *(Automation and Digitalisation Facility,* ADF*)*, Kemudahan Agromakanan *(Agrofood Facility,* AF*)* dan Kemudahan Perusahaan Mikro *(Micro Enterprise Facility,* MEF*).* Kelulusan pembiayaan tertakluk kepada syarat kelayakan kemudahan pembiayaan dan penilaian oleh institusi kewangan peserta (IKP).
2.	Bagaimanakah PKS boleh memastikan bahawa mereka layak untuk memohon pembiayaan di bawah SRF?	PKS dinasihati untuk menghubungi IKP melalui panggilan telefon atau e-mel bagi menyemak kelayakan mereka di bawah SRF. Semua permohonan pembiayaan tertakluk kepada penilaian pihak IKP.
3.	Adakah PKS tempatan yang mempunyai dana pemegang saham *(shareholders' funds)* melebihi RM5 juta layak untuk memohon?	Ya. Semua permohonan pembiayaan tertakluk kepada penilaian pihak IKP.
4.	Adakah SRF terbuka kepada pelanggan IKP yang sedia ada sahaja?	• Tidak, SRF terbuka kepada semua pelanggan IKP baharu dan sedia ada selagi pelanggan tersebut merupakan PKS tempatan yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh BNM dan lulus penilaian kredit IKP. • Pelanggan yang menghadapi sebarang masalah boleh menghubungi BNMTELELINK untuk mendapatkan khidmat nasihat lanjut dengan memberikan butiran terperinci masalah yang dihadapi.

No.	Soalan	Jawapan
5.	Bolehkah PKS membuat beberapa permohonan pembiayaan SRF kepada IKP yang berlainan?	Ya, PKS boleh membuat beberapa permohonan SRF, tertakluk kepada had agregrat pembiayaan yang diluluskan, iaitu sebanyak RM1 juta bagi setiap PKS; dan penilaian pihak IKP.
6.	Bolehkah sekumpulan PKS yang mempunyai pemegang saham yang sama, memohon pembiayaan di bawah SRF?	• Sekumpulan PKS yang mempunyai pemegang saham yang sama adalah tertakluk kepada had maksimum pembiayaan yang berasingan, dengan syarat semua PKS tersebut mempunyai tenaga kerja yang berbeza. • Penilaian penggunaan tenaga kerja yang berbeza akan dilakukan oleh pihak IKP mengikut dasar dalaman masing-masing.
7.	Bolehkah PKS mendapatkan SRF untuk membaik pulih atau mengubah suai premis perniagaan sedia ada?	Tidak. Kemudahan ini khusus untuk modal kerja perniagaan sahaja.
8.	Bolehkah PKS mendapatkan SRF untuk membiayai semula pembiayaan sedia ada?	Tidak. SRF TIDAK boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan pinjaman/pembiayaan sedia ada.
9.	Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah SRF?	Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan untuk SRF.
10.	Berapakah fi jaminan yang dikenakan bagi pembiayaan di bawah SRF?	Keperluan jaminan pembiayaan di bawah SRF adalah tertakluk kepada penilaian oleh pihak IKP. Perlindungan jaminan, jika perlu, akan disediakan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC) atau Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), sehingga 80% daripada jumlah pembiayaan pada fi 0.5% setahun. Walau bagaimanapun, sekiranya jaminan diperlukan, fi ini telah diambil kira dalam kadar pembiayaan yang dikenakan kepada pelanggan, iaitu sehingga 3.5% setahun.
11.	Bolehkah PKS memohon SRF sekiranya telah mendapat pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta di bawah Tabung BNM untuk PKS?	Boleh. Pembiayaan di bawah SRF tidak tertakluk kepada had pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta bagi setiap PKS di bawah Tabung BNM untuk PKS.
12.	Bolehkah peguam, arkitek dan akauntan yang tidak berdaftar dengan SSM memohon pembiayaan di bawah SRF?	Ya, PKS tempatan yang beroperasi sebagai penyedia perkhidmatan profesional (contohnya: peguam, arkitek, akauntan) boleh memohon pembiayaan di bawah SRF selagi mereka berdaftar dengan badan berkanun masing-masing (contohnya: Majlis Peguam, Lembaga Arkitek Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia).
13.	Bolehkah PKS yang telah menerima pembiayaan di bawah	Ya. PKS yang pernah menerima pembiayaan di bawah kemudahan bantuan khas BNM sebelum ini masih layak untuk

No.	Soalan	Jawapan
	Kemudahan Bantuan Khas BNM 2015 *(BNM's Special Relief Facility 2015,* SRF*)* dan Kemudahan Bantuan Bencana BNM 2017 *(BNM's Disaster Relief Facility 2017,* DRF*)* memohon bantuan di bawah SRF COVID-19?	memohon pembiayaan baharu di bawah SRF COVID-19. Setiap SRF/DRF mempunyai had pembiayaan yang berbeza memandangkan PKS yang terjejas akibat bencana banjir pada tahun 2015 dan 2017 mungkin juga terjejas akibat COVID-19.
14.	Sekiranya perniagaan saya tidak layak untuk SRF, apakah bantuan lain yang tersedia untuk saya?	• PKS yang tidak layak untuk SRF masih boleh memohon pembiayaan daripada kemudahan lain di bawah Tabung BNM untuk PKS atau produk pembiayaan lain yang ditawarkan oleh institusi kewangan. PKS juga boleh membuat permohonan melalui platform imSME[1]. Kelulusan permohonan pembiayaan bagi produk dan skim tersebut tertakluk kepada kriteria kelayakan dan penilaian oleh pihak IKP masing-masing. • Selain itu, PKS juga boleh mendapatkan khidmat nasihat kewangan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan) yang menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk menambah baik kelayakan bagi mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan serta sumber pembiayaan alternatif (www.myknp.com.my). • Bagi meringankan beban aliran tunai PKS yang dijangka terjejas oleh COVID-19, institusi kewangan menawarkan penangguhan/moratorium secara automatik bagi semua pembayaran balik pinjaman/pembiayaan untuk tempoh 6 bulan, mulai 1 April 2020. • PKS juga boleh menghubungi bank mereka melalui e-mel atau panggilan telefon untuk memohon penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan sedia ada, jika perlu. • Jika rundingan PKS dengan institusi kewangan mereka untuk penjadualan semula dan penstrukturan semula pinjaman/pembiayaan sedia ada tidak mencapai jalan penyelesaian, PKS boleh memohon bantuan di bawah Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil *(Small Debt Resolution Scheme,* SDRS*)*. SDRS membantu PKS yang menghadapi masalah dengan institusi kewangan menerusi penjadualan semula dan penstrukturan semula pembiayaan sedia ada. Untuk maklumat lanjut, hubungi BNMTELELINK di 1-300-88-5465.

[1] Platform rujukan dalam talian untuk pembiayaan/pinjaman PKS yang diuruskan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). Platform ini boleh diakses melalui https://imsme.com.my

No.	Soalan	Jawapan
Kemudahan Automasi dan Digital PKS *(SME Automation and Digitalisation Facility*, ADF)		
15.	Apakah projek/aktiviti yang layak untuk pembiayaan di bawah ADF?	ADF boleh digunakan untuk membiayai pembelian kelengkapan, mesin, perkakasan dan perisian komputer, solusi dan perkhidmatan IT, perkhidmatan sokongan teknologi dan aset tak ketara lain bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan kecekapan perniagaan.
16.	Bolehkah PKS menggunakan ADF untuk melantik syarikat perundingan bagi menilai penambahbaikan operasi perniagaan?	Boleh, tertakluk kepada penilaian oleh IKP. Bayaran untuk melantik syarikat perundingan hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada kos keseluruhan pembelian seperti yang dijelaskan dalam jawapan untuk Soalan 15.
17.	Adakah PKS yang terlibat dengan pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan automasi dan digital layak untuk memohon ADF?	• Tidak, ADF hanya dikhaskan untuk PKS bagi membiayai pembelian untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan seperti dijelaskan dalam jawapan untuk Soalan 15. • PKS yang terlibat dalam pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan automasi dan digital boleh memilih untuk memohon pembiayaan daripada: o Kemudahan AES atau MEF di bawah Tabung BNM untuk PKS; o Dana Transformasi Pendigitalan Industri oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad; atau o Skim/produk pembiayaan sedia ada yang ditawarkan oleh institusi kewangan; tertakluk kepada penilaian pihak IKP/institusi kewangan.
18.	Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan ADF?	Keperluan penyediaan cagaran untuk pembiayaan di bawah ADF tertakluk kepada penilaian IKP, termasuk jaminan oleh pihak CGC atau SJPP.
19.	Bolehkah PKS memohon ADF sekiranya telah mendapat pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta di bawah Tabung BNM untuk PKS?	Boleh. Pembiayaan di bawah ADF tidak tertakluk kepada had pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta bagi setiap PKS di bawah Tabung BNM untuk PKS.
Kemudahan Agromakanan *(Agrofood Facility*, AF)		
20.	Apakah maksud ‘agromakanan’?	• Agromakanan merujuk komoditi atau produk makanan yang berasaskan: o Tanaman (padi, sayur-sayuran dan buah-buahan) o Ternakan (ayam, lembu/kerbau/kambing/bebiri dan tenusu) o Perikanan Untuk maklumat lanjut, rujuk ‘*2019-2020 Way Forward and Strategy*’[2] oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA).

[2] Dokumen ini boleh diakses di sini.

No.	Soalan	Jawapan
21.	Adakah semua PKS yang terlibat dengan aktiviti 'pengeluaran makanan' layak memohon AF?	Aktiviti agromakanan yang layak untuk pembiayaan di bawah AF perlu memenuhi semua kriteria berikut: (i) Projek berdaya maju yang melibatkan pengeluaran huluan agromakanan (*upstream*), pemprosesan/ perkilangan agromakanan, atau aktiviti hiliran agromakanan (*downstream*) lain; dan (ii) Berorientasikan pasaran dalam negeri, iaitu sekurang-kurangnya separuh daripada hasil pengeluaran dijual di pasaran tempatan; dan (iii) Menyokong pengeluaran agromakanan tempatan: a) Untuk aktiviti perkilangan agromakanan[3], sekurang-kurangnya separuh daripada bahan mentah utama adalah daripada sumber tempatan; atau b) Untuk aktiviti perkhidmatan berkaitan dengan agromakanan, sekurang-kurangnya separuh daripada aktiviti peniagaan hendaklah menyokong pengeluaran agromakanan tempatan. PKS boleh menghubungi pihak IKP untuk penjelasan lanjut.
22.	Bolehkan petani mendapatkan pembiayaan di bawah AF bagi membeli kelengkapan atau melabur dalam teknologi untuk meningkatkan produktiviti?	Boleh, selagi petani tersebut memenuhi kriteria kelayakan di bawah AF. Selain itu, petani tersebut mempunyai pilihan untuk memohon di bawah ADF yang menawarkan tempoh pembiayaan lebih panjang sehingga 10 tahun.
23.	Bolehkah PKS menggunakan dana ini untuk membeli tanah bagi mengembangkan perniagaan?	Pembelian tanah untuk pembangunan projek agromakanan dibenarkan selagi jumlah pembelian tanah tersebut tidak melebihi 30% daripada kos keseluruhan projek. Tanah tersebut hendaklah digunakan untuk aktiviti pengeluaran agromakanan utama sahaja.
24.	Bolehkah PKS menggunakan kemudahan AF untuk mendapatkan pensijilan serta penggunaan amalan terbaik agromakanan? Contohnya: • *Malaysian Good Agricultural Practice (MyGap)* • *Malaysian Organic (MyOrganic)* • *Good Manufacturing Practice (GMP)* • *Hazard Analysis Critical Control Points (HACCP)*	• Boleh, selagi PKS tersebut memenuhi kriteria kelayakan AF. • Contoh aktiviti yang layak termasuk: o Pembelian benih berhasil tinggi / bahan mentah. o Pelaburan dalam kelengkapan yang menyediakan teknik penanaman, penuaian atau pengeluaran makanan terbaik. o Pelaburan untuk mesin yang meningkatkan produktiviti. o Menambah baik pembungkusan / penjenamaan makanan dan lain-lain.

[3] Syarat ini tidak dikenakan kepada perkilangan agromakanan atau aktiviti sebelum pengeluaran (seperti perkilangan makanan haiwan untuk ternakan dan perikanan, serta pengeluaran benih buah-buahan dan sayur-sayuran).

No.	Soalan	Jawapan
	• Sijil Halal	
25.	Bolehkah PKS mendapatkan AF untuk membiayai semula pinjaman/pembiayaan sedia ada?	Tidak. Pembiayaan di bawah AF TIDAK boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan pinjaman/pembiayaan sedia ada.
26.	Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah AF?	Keperluan penyediaan cagaran untuk pembiayaan di bawah AF tertakluk kepada penilaian IKP, termasuk jaminan di bawah CGC atau SJPP.
27.	Bolehkah PKS memohon AF sekiranya telah mendapat pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta di bawah Tabung BNM untuk PKS?	Tidak. Had pembiayaan agregat berjumlah RM5 juta bagi setiap PKS di bawah Tabung BNM untuk PKS adalah termasuk pembiayaan di bawah AF.
Kemudahan Perusahaan Mikro (*Micro Enterprise Facility*, MEF)		
28.	Bolehkan perusahaan mikro membuat beberapa permohonan pembiayaan MEF daripada IKP yang berlainan?	Ya, perusahaan mikro boleh membuat beberapa permohonan MEF. Had pembiayaan setiap permohonan ialah RM50,000 bagi setiap perusahaan mikro daripada setiap IKP, tertakluk kepada penilaian pihak IKP berkenaan.
29.	Perlukah PKS menyediakan cagaran untuk mendapatkan pembiayaan di bawah MEF?	Tidak. Cagaran TIDAK diperlukan di bawah MEF.
Umum		
30.	Apakah kemudahan pembiayaan PKS yang lain di bawah Tabung BNM untuk PKS?	Rujuk Lampiran dalam siaran akhbar BNM pada 27 Mac 2020 yang bertajuk "Langkah-Langkah Tambahan untuk Terus Menyokong PKS dan Individu yang Terjejas Akibat COVID-19".
31.	Adakah PKS yang mempunyai dana pemegang saham *(shareholders' funds)* melebihi RM5 juta layak untuk memohon pembiayaan di bawah Tabung BNM?	Ya, PKS tempatan yang mempunyai dana pemegang saham melebihi RM5 juta kini layak memohon untuk mendapatkan pembiayaan di bawah Tabung BNM. Kelulusan pembiayaan tertakluk kepada PKS tersebut memenuhi kriteria kelayakan bagi kemudahan yang dimohon dan penilaian kredit oleh IKP.
32.	Bolehkah PKS memohon pembiayaan di bawah SRF, ADF dan AF pada masa yang sama?	Ya. PKS boleh memohon pembiayaan di bawah SRF, ADF dan AF pada masa yang sama sekiranya mereka memenuhi kriteria kelayakan bagi setiap kemudahan, tertakluk kepada penilaian pihak IKP.
33.	Apakah yang patut saya lakukan sekiranya pihak bank mengenakan kadar pembiayaan yang lebih tinggi daripada had maksimum yang ditetapkan BNM?	• PKS yang dikenakan kadar pembiayaan yang lebih tinggi dinasihati untuk menghubungi BNMTELELINK dan mengemukakan maklumat terperinci kes, iaitu nama IKP, pejabat cawangan, nama pegawai IKP yang mengurus perkara tersebut dan jenis kemudahan pembiayaan, untuk siasatan lanjut.

No.	Soalan	Jawapan
		• Berikut ialah kadar pembiayaan maksimum yang boleh dikenakan untuk kemudahan-kemudahan di bawah Tabung BNM: o SRF: sehingga 3.5% setahun o AES: sehingga 7% setahun o ADF: sehingga 4% setahun o AF: sehingga 3.75% setahun o MEF: tertakluk kepada penilaian IKP
34.	Bolehkah PKS memohon pembiayaan secara dalam talian atau melalui panggilan telefon semasa Perintah Kawalan Pergerakan?	• Ya, PKS boleh memohon pembiayaan secara dalam talian melalui platform imSME (https://imsme.com.my) atau melayari laman sesawang IKP untuk permohonan secara dalam talian. • PKS juga dinasihati untuk menghubungi IKP melalui e-mel atau panggilan telefon bagi mengetahui dengan lebih lanjut pilihan penghantaran permohonan pembiayaan secara digital.
35.	Apakah yang perlu PKS lakukan jika permohonan pembiayaan untuk mana-mana kemudahan ditolak oleh IKP?	Jika permohonan ditolak, PKS dinasihati supaya: a) Mendapatkan penjelasan sebab-sebab permohonan ditolak daripada IKP berkenaan; b) Mempertimbangkan penghantaran semula permohonan melalui platform imSME, sekiranya PKS tersebut belum berbuat demikian (https://imsme.com.my/portal/en/); c) Mendapatkan khidmat nasihat kewangan melalui MyKNP (Khidmat Nasihat Pembiayaan). MyKNP menyediakan bantuan khidmat nasihat dan panduan untuk menambah baik kelayakan bagi mendapatkan pembiayaan pada masa hadapan serta sumber pembiayaan alternatif (www.myknp.com.my); atau d) Hantarkan pertanyaan atau aduan anda kepada BNM melalui BNMTELELINK: Pusat Perhubungan Pelanggan (BNMTELELINK) Tel.: 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK) (Luar Negara: +603-2174-1717) Borang web: eLINK (https://telelink.bnm.gov.my/) SMS: 15888

Bank Negara Malaysia
Dikemas kini pada 10 April 2020